

**Kandungan**

<b>1. Pemakaian Terma dan Syarat.....</b>	<b>2</b>
<b>2. Mengakses Currency Exchange dan Menggunakan Perkhidmatan.....</b>	<b>3</b>
<b>3. Prosedur Urus Niaga .....</b>	<b>3</b>
<b>4. Arahan .....</b>	<b>3</b>
<b>5. Hak untuk Mendebit dan Hak untuk Menolak Selesai .....</b>	<b>4</b>
<b>6. Hak Proprietari.....</b>	<b>4</b>
<b>7. Penggunaan Data .....</b>	<b>5</b>
<b>8. Fi dan Caj.....</b>	<b>6</b>
<b>9. Had Liabiliti .....</b>	<b>6</b>
<b>10. Pengubahsuaian .....</b>	<b>8</b>
<b>11. Tanggung Rugi .....</b>	<b>9</b>
<b>12. Hak, Remedi dan Obligasi.....</b>	<b>9</b>
<b>13. Penggunaan Antarabangsa .....</b>	<b>10</b>
<b>14. Representasi .....</b>	<b>10</b>
<b>15. Force Majeure .....</b>	<b>11</b>
<b>16. Undang-undang yang Mengawal.....</b>	<b>11</b>
<b>17. Penyata Pendedahan Risiko.....</b>	<b>11</b>

## TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL MAYBANK CURRENCY EXCHANGE

### 1. Pemakaian Terma dan Syarat

- 1.1. Anda telah memilih untuk mengaktifkan akses anda kepada Maybank Currency Exchange ("Currency Exchange") dan penggunaan fungsi dan perkhidmatan yang terkandung di dalamnya ("Perkhidmatan"). Sila ambil sedikit masa untuk membaca Terma dan Syarat ini dengan teliti. **Untuk meneruskannya, klik pada butang "AGREE & CONFIRM/(SETUJU DAN SAHKAN)" untuk menunjukkan bahawa anda telah membaca, memahami sepenuhnya dan bahawa anda bersetuju dengan Terma dan Syarat ini.** Sekiranya anda tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, sila berhenti dengan segera daripada mengakses Currency Exchange.
- 1.2. Terma dan Syarat mungkin berubah dari masa ke masa yang akan berkuatkuasa selepas tempoh dua puluh satu (21) hari notis pemberitahuan melalui kaedah yang munasabah termasuk pengumuman pada Maybank2u. Akses berterusan anda kepada Currency Exchange, sama ada melalui laman web, kaedah atau medium mudah alih atau kaedah dan medium tersedia yang lain berikutan apa-apa perubahan tersebut akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap perubahan itu.
- 1.3. Currency Exchange disediakan sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Perbankan Elektronik kami dan sehubungan itu,
  - i. Terma dan Syarat ini melengkapi Terma dan Syarat yang mengawal Akaun Perbankan, Terma dan Syarat Akses, Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u, Terma dan Syarat MAE oleh Aplikasi Maybank2U dan apa-apa terma berkaitan dengan akaun anda dengan kami dan semua terma terpakai yang lain yang kami nyatakan kepada anda.
  - ii. Sekiranya berlaku percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam perkara (i) di atas, maka peruntukan Terma dan Syarat ini akan diguna pakai untuk tujuan tafsiran dan penguatkuasaan Terma dan Syarat ini.
- 1.4. Penggunaan Currency Exchange dan urus niaga yang dibuat dan dimeterai antara anda dan kami tertakluk pada:
  - i. Pematuhan semua undang-undang dan peraturan yang terpakai;
  - ii. Pematuhan undang-undang anti pengubahan wang haram antarabangsa dan domestik serta undang-undang anti keganasan serta undang-undang sekatan (jika berkenaan); dan
  - iii. Pematuhan syarat yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

## **2. Mengakses Currency Exchange dan Menggunakan Perkhidmatan**

- 2.1. Dalam mengakses Currency Exchange dan menggunakan Perkhidmatan, anda mengesahkan bahawa anda mempunyai tahap pengalaman dan pengetahuan yang diperlukan berhubung dengan urus niaga mata wang asing dan hanya akan menggunakan Currency Exchange seperti yang dibenarkan di bawah Terma dan Syarat ini dan mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai kepada anda. Anda seterusnya bersetuju untuk mematuhi mana-mana peraturan, prosedur, piawaian, keperluan dan syarat lain yang mungkin kami tetapkan berkaitan dengan akses kepada Currency Exchange dan penggunaan Perkhidmatan dari masa ke masa.

## **3. Prosedur Urus Niaga**

- 3.1. Suatu urus niaga dianggap dilaksanakan apabila urus niaga yang dimeterai dan dipersetujui antara anda dengan kami telah direkodkan dalam peranti pelayan kami tanpa ralat manifes. Sekadar penghantaran arahan anda tidak akan membentuk kontrak mengikat antara kita, melainkan dan sehingga, arahan itu direkodkan pada peranti pelayan kami.
- 3.2. Selepas melaksanakan urus niaga, resit urus niaga akan dikeluarkan kepada anda. Dokumen tersebut akan mengikat anda sekiranya tiada ralat manifes.

## **4. Arahan**

- 4.1. Tiada apa-apa dalam terma-terma ini yang mewajibkan pihak kami untuk memasuki transaksi FX dengan pelanggan, dan kami berhak untuk menolak daripada memasuki sebarang transaksi tersebut atau bertindak atas sebarang arahan tanpa perlu memberikan sebarang alasan.
- 4.2. Arahan yang anda berikan mungkin tidak direkodkan kerana waktu semasa sistem kami tidak berfungsi/ beroperasi atau atas apa-apa sebab yang di luar kawalan kami. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang mungkin anda alami apabila akses kepada, dan pengendalian Perkhidmatan tidak dapat dilakukan di bawah keadaan yang dinyatakan.
- 4.3. Anda mengakui bahawa dalam kes yang melibatkan atau memerlukan persetujuan atau kelulusan pihak ketiga, obligasi kami untuk melaksanakan arahan akan tertakluk pada persetujuan atau kelulusan tersebut.
- 4.4. Anda dengan ini beraku janji dan bersetuju untuk memastikan bahawa terdapat dana yang dijelaskan dan mencukupi dalam akaun pendebitan anda sebelum melaksanakan arahan. Arahan anda tidak akan dilaksanakan jika baki tidak mencukupi dalam akaun pendebitan anda. Kami tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang mungkin anda alami disebabkan kegagalan anda untuk memastikan dana yang mencukupi tersedia dalam akaun pendebitan sebelum melaksanakan arahan.

4.5. Walau apa pun arahan untuk menjalankan urus niaga dalam tempoh masa tertentu atau pada masa tertentu, kami pada masa tertentu akan diberikan tempoh masa yang munasabah untuk melaksanakan perkara yang sama setelah mengambil kira sistem dan prosedur kami. Tanpa menjejaskan perkara di atas, semua arahan adalah tertakluk pada waktu perniagaan yang mungkin ditentukan oleh kami dari masa ke masa dan apa-apa arahan yang dikeluarkan selepas waktu perniagaan yang berkaitan pada hari tertentu akan disiarkan dalam buku dan rekod kami pada atau untuk Hari Perniagaan berikutnya selepas tarikh arahan tersebut.

## **5. Hak untuk Mendebit dan Hak untuk Menolak Selesai**

5.1. Anda dengan ini bersetuju bahawa kami boleh, dengan notis awal kepada anda, mengasingkan, menguntukkan, mendebit, memindahkan atau menolak selesai keseluruhan atau mana-mana bahagian wang dan/atau akaun anda yang dibuka dan diselenggarakan dengan kami dari masa ke masa ("Deposit") berhubung dengan mana-mana atau semua Urus Niaga yang kami anggap munasabah termasuk tetapi tidak terhad kepada penyelesaian Urus Niaga. Kami dengan ini diberi kuasa secara tidak boleh ditarik balik untuk menukar keseluruhan atau mana-mana bahagian Deposit kepada mana-mana mata wang lain untuk tujuan penyelesaian mana-mana atau semua Urus Niaga. Kami boleh, mengikut budi bicara kami, melaksanakan lien ke atas Deposit untuk menjamin apa-apa dan semua obligasi dan liabiliti yang anda terutang kepada kami di bawah Perkhidmatan ini.

## **6. Hak Proprietari**

6.1. Currency Exchange dan semua bahannya adalah proprietari dan/atau ejen, rakan kongsi, pemberi lesen atau kontraktor kami. Semua hak harta dalam Currency Exchange dilindungi oleh hak cipta di Malaysia dan/atau negara lain, antara perlindungan harta intelek lain yang mungkin terpakai. Anda beraku janji bahawa anda:

- i. akan merahsiakan semua bahan Currency Exchange dan hanya akan menggunakan Perkhidmatan mengikut tujuan dan syarat seperti yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini;
- ii. akan menghormati dan melindungi semua hak, hak milik dan kepentingan (termasuk semua hak harta intelek) dalam bahan Currency Exchange;
- iii. tidak akan (secara elektronik atau selainnya), dan tidak akan cuba, memuat turun, menyalin, menyebarkan, menerbitkan, menghantar, memaparkan, mengedar semula atau menjual semula bahan Currency Exchange (termasuk mana-mana bahagian, salinan, penyesuaian, transkripsi atau bahagian yang digabungkan);

- iv. tidak akan mengeksploitasi bahan Currency Exchange secara komersial dalam apa jua cara sekalipun yang bertentangan dengan tujuan dan maksud Terma dan Syarat ini; dan
- v. tanpa mengehadakan sekatan di atas, tidak akan dan tidak akan cuba untuk:
  - a. mengubah, mengubah suai, menyesuaikan, menterjemah, nyahsusun, kejuruteraan terbalik atau mengubah dalam apa jua cara;
  - b. mencipta karya terbitan berdasarkan, atau menggabungkan atau mencantumkan dengan atau ke dalam mana-mana perisian atau dokumentasi lain;
  - c. memperoleh akses tanpa kebenaran untuk, menggunakan tanpa kebenaran atau menggunakan untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang (atau apa-apa tujuan lain yang tidak dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini); atau
  - d. membuang, memadam atau mengubah mana-mana notis hak cipta atau proprietari yang dicetak atau dicap pada, dilekatkan pada, atau dikodkan atau direkodkan pada, apa-apa bahan Currency Exchange.
- 6.2. Anda mengakui bahawa kami dan/atau pihak ketiga lain boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda melanggar aku janji ini pada bila-bila masa, atau jika kami atau pihak ketiga tersebut mengesyaki bahawa anda telah berbuat demikian. Anda juga mungkin tertakluk pada denda dan penalti lain dalam bidang kuasa yang berkaitan. Anda beraku janji untuk memberitahu kami dengan segera jika anda menyedari tentang apa-apa pelanggaran yang diterangkan dalam Fasal ini atau bahawa apa-apa tindakan yang diterangkan dalam Fasal ini sedang dilakukan atau cuba dilakukan oleh orang lain.
- 6.3. Anda mungkin dikehendaki memaklumkan mana-mana pihak ketiga yang berkaitan tentang apa-apa pelanggaran anda terhadap mana-mana Terma dan Syarat ini dalam perjanjian ini atau mana-mana perjanjian yang dilaksanakan oleh kami dengan mana-mana pembekal perkhidmatan. Anda dengan ini bersetuju untuk memberitahu pihak ketiga tersebut dan juga memberikan kuasa kepada kami untuk berbuat demikian bagi pihak anda.

## **7. Penggunaan Data**

- 7.1. Maklumat yang diberikan kepada anda yang mungkin termasuk kadar pertukaran indikatif dan ulasan tentang aliran mata wang dan maklumat tersebut hendaklah diberikan untuk rujukan anda sahaja. Maklumat tersebut tidak boleh dianggap sebagai permintaan atau pengesyoran bagi apa-apa urusan niaga yang akan dimeterai.
- 7.2. Kami berusaha untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang diberikan, tetapi kami tidak menjamin ketepatan dan kebolehpercayaannya dan tidak menerima liabiliti (sama ada dalam tort atau kontrak atau selainnya) terhadap apa-apa kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada apa-apa ketaktepatan atau ketinggalan. Penggunaan

maklumat tersebut adalah atas risiko anda sendiri. Maklumat tersebut disediakan untuk kegunaan peribadi sahaja dan tidak boleh diberikan kepada mana-mana orang atau entiti lain (secara keseluruhan atau sebahagian) atas apa-apa sebab tanpa kebenaran bertulis kami terlebih dahulu, dan persetujuan itu mungkin bersyarat.

- 7.3. Kami tidak menjamin ketepatan masa, urutan, kecukupan, ketekalan atau kesempurnaan apa-apa maklumat yang diberikan pada atau melalui Currency Exchange dan apa-apa maklumat tersebut disediakan atas dasar "seadanya", "sebagaimana tersedia". Khususnya, kami tidak memberikan:
  - i. apa-apa waranti nyata atau tersirat (termasuk waranti kebolehdagangan atau kesesuaian untuk kegunaan tertentu) berhubung dengan maklumat tersebut; atau
  - ii. apa-apa waranti, representasi atau aku janji yang nyata atau tersirat berhubung dengan harga yang tersedia daripada Currency Exchange (termasuk, tanpa had, apa-apa waranti, representasi atau aku janji bahawa harga tersebut ialah sebut harga pasaran masa nyata atau harga pasaran terbaik yang ada).
- 7.4. Maklumat mungkin diperoleh daripada pihak ketiga. Pihak ketiga tidak akan memberikan apa-apa waranti, mengambil apa-apa tanggungjawab atau beraku janji untuk memberikan apa-apa sokongan berhubung dengan bahan Currency Exchange.

## **8. Fi dan Caj**

- 8.1. Anda hendaklah pada setiap masa bertanggungjawab untuk membayar fi, komisen, cukai dan/atau caj ("Fi") seperti yang dimaklumkan dari masa ke masa. Walaupun tiada Fi dikenakan pada masa ini untuk Perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda di bawah Terma dan Syarat ini, kami berhak untuk mengenakan Fi tertentu pada bila-bila masa dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kepada anda dengan menyatakan kadar Fi.
- 8.2. Untuk tujuan mengutip apa-apa fi dan caj (termasuk faedah pembayaran lewat/caj pembayaran lewat, jika ada) yang perlu dibayar atau yang timbul daripada arahan dan urus niaga yang dibuat pada Currency Exchange, anda dengan ini memberikan kuasa kepada kami untuk mendebit akaun yang anda tetapkan, atau jika tiada akaun ditetapkan, mana-mana akaun tertentu yang berkaitan dengan arahan yang dijalankan, untuk amaun fi dan caj tersebut.

## **9. Had Liabiliti**

- 9.1. Anda dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa
  - i. kami tidak memberikan apa-apa waranti atau representasi dalam apa jua bentuk berhubung dengan Currency Exchange. Kami mahupun mana-mana pihak lain yang terlibat dalam penciptaan, pengeluaran atau penghantaran Currency Exchange tidak mengambil apa-apa

tanggungjawab berhubung dengan penggunaannya oleh anda. Maklumat atau nasihat lisan atau bertulis yang kami berikan tidak boleh mewujudkan waranti atau dalam apa jua cara meningkatkan skop waranti ini dan anda tidak boleh bergantung pada apa-apa maklumat atau nasihat tersebut;

- ii. kami tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kecacatan teknikal dalam sistem perisian Currency Exchange atau perisian itu sendiri melainkan kecacatan tersebut berlaku akibat niat jahat atau kecuaiian melampau di pihak kami;
  - iii. kami tidak bertanggungjawab atau bertanggungjawab terhadap laman web dan kandungannya yang boleh dicapai melalui pautan di Currency Exchange. Kami tidak bertanggungjawab terhadap kandungan atau ketepatan maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga melalui Currency Exchange;
  - iv. Currency Exchange akan tersedia tertakluk pada keupayaan anda untuk mengaksesnya melalui Internet awam. Kami tidak bertanggungjawab dan tidak memberikan waranti untuk akses, kelajuan atau ketersediaan Internet awam atau perkhidmatan rangkaian;
  - v. kami telah melakukan usaha yang munasabah dan akan terus berbuat demikian pada masa hadapan untuk menghalang virus atau apa-apa sahaja yang mempunyai ciri yang mencemarkan atau merosakkan, tetapi kami tidak menjamin penghalangan tersebut dan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan termasuk kehilangan data akibat daripada mana-mana virus atau ciri. Anda disyorkan untuk mengambil langkah yang sewajarnya berhubung dengan mana-mana risiko tersebut; dan
  - vi. anda menerima semua risiko yang wujud yang berkaitan dengan tindakan menjalankan urusan niaga melalui Internet awam dan mengakui bahawa apa-apa komunikasi dan arahan yang dihantar melalui cara elektronik mungkin tidak sampai kepada penerima yang dimaksudkan atau boleh melakukannya lebih lewat daripada yang diinginkan.
- 9.2. Kami tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian langsung, tidak langsung atau berbangkit yang disebabkan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh anda atau mana-mana orang lain akibat mengakses Currency Exchange atau menggunakan Perkhidmatan di dalamnya, dan/atau terhadap apa-apa kegagalan atau ketidakupayaan untuk mengakses dan/atau menggunakan perkara yang sama termasuk tetapi tidak terhad kepada yang timbul daripada peristiwa berikut:
- i. pelanggaran anda terhadap apa-apa obligasi di bawah Terma dan Syarat ini serta tindakan atau ketinggalan di pihak anda, rangkaian atau pembekal perkhidmatan anda atau mana-mana pihak ketiga yang lain;
  - ii. kegagalan anda untuk memberikan maklumat atau arahan yang tepat pada masanya, tepat dan/atau lengkap berhubung dengan atau berkaitan dengan apa-apa urusan niaga atau prestasi urusan niaga tersebut atau pelaksanaan apa-apa arahan atau urusan niaga;
  - iii. kegagalan anda untuk mengikuti arahan, prosedur, garis panduan atau perintah terkini atau semasa yang berkaitan dengan akses kepada dan penggunaan Currency Exchange;

- iv. apa-apa kegagalan atau kelewatan untuk melaksanakan mana-mana arahan yang tidak lengkap, tidak tepat atau yang tidak dibenarkan dengan sewajarnya menurut Terma dan Syarat ini;
- v. apa-apa kecurian atau akses tanpa kebenaran/atau penggunaan akses anda kepada Currency Exchange;
- vi. ketakupayaan untuk melakukan atau melaksanakan mana-mana arahan disebabkan oleh had yang kami atau mana-mana pihak ketiga yang berkenaan tetapkan, dari masa ke masa;
- vii. apa-apa kelewatan, kesilapan atau kegagalan dalam penghantaran arahan, data, maklumat atau komunikasi yang dihantar melalui Currency Exchange;
- viii. apa-apa kemusnahan atau pengubahan arahan, data, maklumat atau komunikasi yang anda hantar melalui Currency Exchange;
- ix. ketiadaan atau penurunan prestasi dan/atau kefungsiannya Currency Exchange atau mana-mana bahagian daripadanya;
- x. apa-apa kerosakan atau pincang tugas mana-mana peralatan, sistem atau perisian yang digunakan berhubung dengan Currency Exchange, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana terminal elektronik, pelayan, peranti telekomunikasi, sambungan, sistem atau mana-mana bahagian sistem;
- xi. apa-apa pencerobohan atau serangan oleh mana-mana orang, perkakasan, perisian, virus, Kuda Trojan, cecacing dan/atau makro atau komponen berbahaya lain yang mungkin mengganggu Currency Exchange;
- xii. apa-apa kelewatan atau kegagalan yang disebabkan oleh perisian pelayar web, virus komputer atau masalah berkaitan yang dikaitkan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana pembekal perkhidmatan rangkaian atau pembekal perisian lain;
- xiii. akses dan/atau penggunaan Currency Exchange anda dilarang, disekat, ditangguhkan atau terjejas oleh mana-mana undang-undang dan peraturan yang terpakai termasuk undang-undang dan peraturan di negara anda mengakses Currency Exchange;
- xiv. kami melaksanakan hak, obligasi dan budi bicara kami di bawah Terma dan Syarat ini; atau
- xv. apa-apa keadaan di luar kawalan munasabah kami,

dan anda seterusnya memperakui bahawa setiap sub-fasal di atas akan ditafsirkan sebagai had yang berasingan (terpakai dan terus berkuat kuasa walaupun atas apa-apa sebab mana-mana satu daripada sub-fasal tersebut dianggap tidak terpakai atau tidak munasabah atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua keadaan).

## **10. Pengubahsuaian**

- 10.1. Kami boleh, mengikut budi bicara kami dari masa ke masa dan pada bila-bila masa memperkenalkan apa-apa pengubahsuaian dan/atau penambahbaikan, penggantungan atau penamatan Perkhidmatan atas apa



Anda akan melepaskan kami daripada bertanggungjawab terhadap apa-apa pengubahsuaian, penggantungan atau penamatan tersebut dan tidak perlu memberikan sebab bagi pengubahsuaian, penggantungan atau penamatan itu.

- 10.2. Kami berhak untuk menetapkan dan memaklumkan kepada anda secara bertulis terma dan syarat berkaitan Perkhidmatan yang diubah suai/ditambah baik dalam penerbitan berasingan dan terma dan syarat yang terkandung di dalamnya akan dianggap sebagai dimasukkan ke dalam Terma dan Syarat ini. Penggunaan anda terhadap Perkhidmatan yang diubah suai/ditambah baik itu akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap terma dan syarat yang berkaitan yang diterbitkan dan dimasukkan.
- 10.3. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini, apa-apa variasi Terma dan Syarat ini akan terpakai kepada semua urusan niaga yang dimeterai dari hari perubahan itu berkuat kuasa.

## **11. Tanggung Rugi**

Anda beraku janji untuk menanggung rugi sepenuhnya dan dengan berkesan dan terus menanggung rugi kami pada setiap masa terhadap semua tindakan, prosiding, kos, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti rugi dan apa jua perbelanjaan (termasuk fi dan pembelanjaan undang-undang dan lain-lain) sama ada berdasarkan kontrak, tort atau selainnya, yang dikekalkan, ditanggung atau dibayar oleh kami secara langsung atau tidak langsung berhubung dengan:

- i. akses anda kepada dan/atau penggunaan Currency Exchange dan Perkhidmatan;
- ii. apa-apa maklumat, data atau bahan yang diperolehi secara keseluruhan atau sebahagian daripada atau melalui Currency Exchange;
- iii. pelanggaran anda terhadap mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini, atau mana-mana terma dan syarat lain yang perlu dibaca bersama dengan Terma dan Syarat ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada syarat akses serta terma dan syarat yang terpakai kepada perkhidmatan yang disediakan di bawah Currency Exchange, sama ada milik kami atau selainnya; atau
- iv. apa-apa urusan niaga yang dilaksanakan menurut arahan daripada anda.

## **12. Hak, Remedi dan Obligasi**

- 12.1. Kecuali sebagaimana dinyatakan selainnya dalam Terma dan Syarat ini, pelaksanaan separa kami, kegagalan untuk melaksanakan, atau kelewatan dalam melaksanakan, hak atau remedi yang diperuntukkan di bawah Terma dan Syarat ini atau oleh undang-undang; tidak bertindak sebagai penepian atau menghalang atau menyekat apa-apa pelaksanaan selanjutnya atau pelaksanaan hak atau remedi itu atau apa-apa hak atau remedi lain menurut Terma dan Syarat ini.

12.2. Hak dan remedi kami di bawah Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada hak dan remedi lain yang ditetapkan oleh undang-undang tanpa ada kaitan dengan Terma dan Syarat ini, tidak boleh diketepikan kecuali secara bertulis.

### **13. Penggunaan Antarabangsa**

Akses dan/atau penggunaan Currency Exchange di luar Malaysia tertakluk pada Peraturan Kawalan Pertukaran Bank Negara Malaysia atau apa-apa keperluan kawalan fiskal atau pertukaran yang beroperasi di negara urus niaga itu dilaksanakan atau diminta serta undang-undang dan peraturan Malaysia, dan anda bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang tempatan dan antarabangsa yang berkaitan dengan Currency Exchange.

### **14. Representasi**

14.1. Dengan mengakses Currency Exchange dan menggunakan Perkhidmatannya, anda merepresentasi dan mewaranti bahawa:

- i. apa-apa maklumat yang diberikan oleh atau dianggap telah diberikan oleh anda, adalah sah, lengkap, betul dan tidak mengelirukan dan bersetuju bahawa kami boleh mempercayai maklumat tersebut melainkan dan sehingga kami menerima notis bertulis tentang apa-apa perubahan yang anda tandatangani atau melalui kemudahan yang kami sediakan (yang juga akan tertakluk pada representasi dan waranti ini);
- ii. apa-apa rekod yang kami simpan berkaitan dengan penggunaan anda terhadap Currency Exchange akan mengikat dan muktamad ke atas anda untuk walau apa pun tujuan dan akan, jika tiada ralat manifes, menjadi bukti muktamad bagi apa-apa maklumat dan/atau data yang dihantar menggunakan Currency Exchange. Anda bersetuju bahawa semua rekod tersebut boleh diterima sebagai bukti dan bahawa anda tidak akan mencabar atau mempertikaikan kebolehterimaan, kebolehpercayaan, ketepatan atau ketulenan kandungan rekod tersebut hanya dengan berdasarkan fakta bahawa rekod tersebut telah dimasukkan dan/atau dinyatakan dalam bentuk elektronik atau dihasilkan oleh atau merupakan output sistem komputer, dan anda dengan ini mengetepikan mana-mana hak anda (jika ada) terhadap perkara tersebut.

14.2. Dengan ini, anda selanjutnya merepresentasi dan mewaranti bahawa:

- i. anda mempunyai kuasa, autoriti dan semua lesen dan kelulusan yang diperlukan (jika berkenaan) untuk bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, dan melaksanakan obligasi anda di bawahnya;
- ii. pada setiap masa semasa anda berurusan dengan kami, anda boleh memenuhi semua komitmen dan obligasi anda yang timbul daripada urusan tersebut;
- iii. anda akan memastikan bahawa apa-apa arahan telah diberikan menurut mana-mana undang-undang yang terpakai, dan apabila berlaku keraguan, berunding dengan penasihat undang-undang dan profesional lain dalam bidang kuasa yang berkaitan;

- iv. anda bertindak sebagai prinsipal berhubung dengan setiap arahan dan urus niaga;
- v. apa-apa dana yang anda depositkan ke dalam mana-mana akaun tidak akan terkesan dengan amanah atau disimpan dalam kapasiti pemegang amanah;
- vi. anda tidak akan secara bersendirian atau bersama-sama dengan mana-mana pihak lain
  - a. menyimpan, memproses atau berurusan dengan Currency Exchange dalam apa jua cara kecuali untuk kegunaan peribadi anda; atau
  - b. membenarkan mana-mana orang yang tidak diberi kuasa untuk mendapatkan akses kepada Currency Exchange;

#### **15. Force Majeure**

Walau apa pun yang terkandung dalam dokumen ini, kami tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung terhadap anda atau mana-mana pihak ketiga berhubung dengan apa-apa perkara yang mungkin atau tidak mungkin membentuk pelanggaran Terma dan Syarat ini apabila ia disebabkan oleh peristiwa di luar kawalan munasabah kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, banjir, kemarau, ribut, wabak dan pandemik, letupan, sabotaj, kemalangan, sekatan mogok, peperangan, tindakan keganasan, kekacauan awam, atau pihak berkuasa awam, termasuk tindakan kerajaan tempatan dan pihak berkuasa parlimen, perintah berkurung, tindakan perindustrian, kegagalan atau pincang tugas pelayan, sistem atau rangkaian atau mana-mana talian atau peranti telekomunikasi dan semua punca semula jadi, teknologi atau politik, atau keadaan dalam apa jua sifatnya yang di luar kawalan munasabah kami dan dalam kes tersebut, obligasi kami di bawah Terma dan Syarat hendaklah digantung selagi peristiwa itu berterusan.

#### **16. Undang-undang yang Mengawal**

Terma dan Syarat ini dikawal oleh undang-undang Malaysia. Kami boleh memulakan prosiding terhadap anda di Malaysia atau dalam mana-mana bidang kuasa lain, tanpa mengambil kira tempat tinggal atau tempat perniagaan anda, atau tempat akaun anda diselenggarakan.

#### **17. Penyata Pendedahan Risiko**

- 17.1. Akses anda kepada dan penggunaan Currency Exchange dilakukan atas risiko anda sendiri.
- 17.2. Penyata Risiko ini menyediakan ringkasan risiko tertentu yang berkaitan dengan penggunaan Currency Exchange. Terdapat risiko lain yang terlibat dalam menggunakan Currency Exchange.

- 17.3. Anda mesti membaca faktor risiko yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini bersama-sama dengan mana-mana faktor risiko lain yang mungkin akan kami maklumkan dari masa ke masa. Anda juga seharusnya mendapatkan nasihat yang sesuai dan bebas serta menjalankan analisis bebas tentang apa-apa urusan niaga yang dicadangkan.
- 17.4. Risiko yang berkaitan dengan penggunaan Internet atau medium elektronik lain
- i. Apa-apa komunikasi, urusan niaga atau maklumat (termasuk apa-apa dokumen), yang dihantar melalui Internet atau medium elektronik lain melibatkan risiko. Dengan mengakses Currency Exchange, anda mengakui bahawa anda memahami dan menerima risiko yang berikut:
    - a. Kami mungkin menggunakan teknologi pengesahihan seperti yang kami anggap sesuai. Tiada teknologi pengesahihan, pengesahan atau keselamatan komputer yang benar-benar terjamin atau selamat. Anda bersetuju untuk menanggung semua risiko akses/penggunaan tanpa kebenaran, penggodaman atau kecurian identiti.
    - b. Internet atau media elektronik lain (termasuk tanpa had peranti elektronik, khidmat penyedia perkhidmatan telekomunikasi pihak ketiga seperti telefon mudah alih atau peranti dagangan pegang tangan yang lain atau sistem tindak balas suara interaktif) ialah bentuk komunikasi yang pada asasnya tidak boleh dipercayai, dan pembekal perkhidmatan seperti telefon mudah alih atau peranti dagangan pegang tangan lain atau sistem tindak balas suara interaktif ialah bentuk komunikasi yang pada asasnya tidak boleh dipercayai dan ketakbolehpercayaan itu mungkin di luar kawalan kami.
    - c. Apa-apa maklumat (termasuk apa-apa dokumen) yang dihantar, atau komunikasi atau urusan niaga yang dibuat, melalui Internet atau melalui media elektronik lain (termasuk peranti elektronik, khidmat penyedia perkhidmatan telekomunikasi pihak ketiga seperti telefon bimbit atau peranti dagangan pegang tangan yang lain atau sistem tindak balas suara interaktif) mungkin tertakluk pada gangguan, terputus penghantaran, penghantaran lewat disebabkan oleh volum data, trafik Internet, ketaktentuan pasaran atau penghantaran data tidak betul (termasuk sebut harga tidak betul) atau pemberhentian suapan data harga kerana sifat awam Internet atau media elektronik lain.
    - d. Akibat ketakbolehpercayaan tersebut:
      - i. mungkin terdapat kelewatan masa, kelewatan, kegagalan atau kehilangan data atau kehilangan kerahsiaan dalam penghantaran data dan penerimaan arahan;
      - ii. walaupun kami yakin bahawa data tertentu boleh dipercayai, namun mungkin tiada asas bebas untuk kami mengesahkan atau mempertikaikan ketepatan atau kesempurnaan data tersebut; dan
      - iii. arahan mungkin dilaksanakan pada harga yang berbeza daripada yang wujud pada masa arahan diberikan.

- iv. Anda tahu bahawa senarai ini bukanlah senarai lengkap semua akibat yang timbul daripada ketakbolehpercayaan tersebut dan anda bersetuju yang anda tidak boleh membuat kesimpulan bagi apa-apa pengesyoran atau pengesahan daripada mana-mana data yang disediakan pada Currency Exchange.
    - ii. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk menghalang apa-apa perkara yang mungkin memudaratkan mana-mana peralatan yang anda gunakan berkaitan dengan Currency Exchange (termasuk apa-apa virus komputer, program berniat jahat atau komponen berbahaya) daripada menjejaskan mana-mana peralatan tersebut, tanpa mengambil kira sama ada ia berasal daripada Currency Exchange atau mana-mana produk atau perkhidmatan lain yang kami atau ahli gabungan kami sediakan.
- 17.5. Risiko yang berkaitan dengan orang yang diberi kuasa  
Terdapat risiko besar dalam membenarkan orang lain mengurus niaga atau mengendalikan mana-mana akaun anda dengan kami, dan ada kemungkinan bahawa arahan tersebut diberikan oleh orang yang tidak diberi kuasa sewajarnya. Anda menerima semua risiko operasi tersebut dan melepaskan kami secara tidak boleh ditarik balik daripada semua liabiliti yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan arahan tersebut, sama ada diterima oleh kami atau selainnya.
- 17.6. Risiko perubahan yang boleh menjejaskan kedudukan anda
  - i. Perubahan dalam harga, kadar pertukaran, fi, caj dan faktor lain mungkin memberi kesan kepada urus niaga anda. Kami berhak untuk bertindak mengikut arahan anda dan anda tidak boleh menganggap bahawa kami akan memberi amaran kepada anda jika arahan anda tidak tepat pada masanya atau tidak dimaklumkan atas apa-apa sebab atau jika arahan itu berkemungkinan menyebabkan anda mengalami kerugian.
  - ii. Sebelum anda memberikan apa-apa arahan, anda seharusnya memastikan bahawa anda memahami aspek kewangan urus niaga yang dicadangkan dan mendapatkan penjelasan yang jelas tentang semua komisen, fi dan caj lain yang anda akan bertanggungjawab. Perkara ini boleh mengurangkan keuntungan bersih anda (jika ada) atau meningkatkan kerugian anda.
- 17.7. Risiko FX  
Turun naik dalam kadar Currency Exchange asing boleh mengakibatkan keuntungan atau kerugian yang ketara sekiranya pelanggan menukar deposit daripada mata wang asing kepada mata wang lain.
- 17.8. Pendedahan Risiko tentang maklumat yang diberikan oleh pembekal perkhidmatan
  - i. Selain penyata pendedahan risiko kami dalam Fasal ini, anda hendaklah membaca dan memahami faktor risiko yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan seperti yang terkandung dalam Jadual dalam Terma & Syarat ini.
- 17.9. Anda mengakui bahawa Perkhidmatan di bawah Currency Exchange ini akan tertakluk pada Dasar Pertukaran Asing ("FEP") semasa yang dikeluarkan oleh



Bank Negara Malaysia. Anda mesti memastikan bahawa urusan niaga dilakukan mengikut FEP pada setiap masa. Untuk maklumat terkini tentang FEP, sila rujuk laman web rasmi Bank Negara Malaysia di <https://bnm.my/fep>

**Ruang selebihnya pada halaman ini sengaja dibiarkan kosong**

## **Jadual – Pendedahan Risiko tentang Maklumat yang Diberikan oleh Thomson Reuters**

1. Maklumat Disediakan oleh Thomson Reuters

Penafian: Thomson Reuters, Malayan Banking Berhad ("Bank") dan penyedia maklumat lain berusaha untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang diberikan dan maklumat tersebut hendaklah diberikan untuk rujukan hanya apabila ia tidak disertakan dengan permintaan atau pengesyoran. Bank tidak mengambil apa-apa tanggungjawab terhadap ketepatan, kesempurnaan atau ketepatan masa bagi mana-mana maklumat Pihak Ketiga, dan tidak menerima liabiliti (sama ada dalam tort atau kontrak atau selainnya) untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul daripada apa-apa ketaktepatan atau ketinggalan.

2. Penafian Thomson Reuters

Hak Cipta © 1999 – 2017, Thomson Reuters. Semua hak terpelihara. Thomson Reuters (Markets) LLC ("Thomson Reuters") dan ahli gabungannya dirujuk di bawah sebagai "Thomson Reuters".

"Produk Maklumat" ialah apa-apa maklumat atau data yang disediakan oleh Thomson Reuters dan diterbitkan di laman web ini. Thomson Reuters atau pembekal pihak ketiganya memiliki dan mengekalkan semua hak, hak milik dan kepentingan, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta, tanda dagangan, dan semua hak harta intelek lain atau bentuk perlindungan yang serupa atau mempunyai kesan yang setara, di mana-mana sahaja di dunia, dalam Produk Maklumat dan pengguna tidak diberikan apa-apa kepentingan proprietari di dalamnya atau padanya. Paparan, prestasi, pengeluaran semula, pengedaran, atau penciptaan karya kreatif atau penambahbaikan daripada Produk Maklumat dalam apa-apa bentuk atau cara adalah dilarang secara nyata, kecuali setakat yang dibenarkan secara nyata di bawah ini, atau selainnya, dengan kebenaran bertulis daripada Thomson Reuters terlebih dahulu.

Thomson Reuters mahupun pembekal pihak ketiganya tidak mewaranti bahawa penyediaan produk maklumat itu tidak akan terganggu, bebas ralat, tepat pada masanya, lengkap atau tepat, dan mereka juga tidak memberikan apa-apa waranti tentang keputusan yang akan diperoleh daripada penggunaan produk maklumat itu. Penggunaan produk maklumat dan pergantungan padanya adalah atas risiko pengguna sendiri. Thomson Reuters mahupun pembekal pihak ketiganya dalam apa jua cara tidak akan bertanggungjawab terhadap pengguna atau mana-mana entiti atau orang lain atas ketakupayaan mereka untuk menggunakan produk maklumat, atau untuk apa-apa ketaktepatan, kesilapan, ketinggalan, kelewatan, kerosakan, tuntutan, liabiliti atau kerugian, tanpa mengambil kira punca, dalam atau yang timbul

daripada penggunaan produk maklumat ini. Produk maklumat ini disediakan atas dasar "seadanya" dan tanpa apa-apa bentuk waranti. Tiada waranti sama ada dinyatakan atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa waranti tersirat bagi kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu, hak milik, pelanggaran atau selainnya disediakan di bawah ini. Thomson Reuters atau pembekal pihak ketiganya tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa ganti rugi, termasuk tanpa had, secara langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, atau ganti rugi atau perbelanjaan berbangkit yang timbul berkaitan dengan produk maklumat walaupun jika Thomson Reuters atau pembekal pihak ketiganya atau wakil mereka dimaklumkan tentang kemungkinan ganti rugi, kerugian atau perbelanjaan tersebut.